

**SULIT****1103/1**

Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
2 ¼ jam  
Sept.  
2010



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN MELAKA)**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
TAHUN 2010**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Dua jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

**[Lihat sebelah**


### Bahagian A

*Masa dicadangkan: 45 minit*

*(30 markah)*

*Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada warisan negara yang terdapat di Malaysia. Huraikan pendapat anda tentang kepentingan memelihara warisan negara. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

#### WARISAN KEBANGSAAN



**Daya tarikan pelancong**



**Memupuk semangat patriotik**



**Mengekalkan nilai seni dan estetika**



**Mengenang sejarah negara**

**Bahagian B***Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit**(100 markah)*

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Anda akan menghadapi pelbagai cabaran selepas tamat alam persekolahan.  
Berikan pendapat anda tentang perkara-perkara yang boleh anda lakukan untuk menjadi anggota masyarakat yang berguna selepas tamat alam persekolahan.
  
2. Anak-anak merupakan modal insan yang bakal menjadi penentu kemajuan negara pada masa hadapan.  
Tuliskan sebuah rencana tentang peranan ibu bapa untuk melahirkan modal insan berkualiti.
  
3. Di Malaysia, nasib golongan orang kurang upaya (OKU) mendapat perhatian serius dan pembelaan daripada pihak kerajaan dan masyarakat.  
Bincangkan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan bagi membantu golongan tersebut.
  
4. Konflik yang melanda antara sesebuah negara dengan negara yang lain di dunia pada masa ini harus diselesaikan melalui perundingan dan bukan melalui perperangan.  
Bahaskan pernyataan di atas.
  
5. Puisi Melayu tradisional seperti syair, pantun, dan gurindam masih diamalkan dalam kalangan masyarakat Malaysia.  
Bincangkan kepentingan puisi tradisional dalam kalangan masyarakat.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**SULIT****1103/2**

Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
2 ½ jam  
Sept.  
2010



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN MELAKA)**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
TAHUN 2010**

**BAHASA MELAYU**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

[Lihat sebelah

**Soalan 1 : Rumusan**  
**[30 markah]**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang tindakan untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan kekangan untuk merealisasikan tindakan tersebut. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Isu buli bukan lagi suatu isu yang baharu, tetapi boleh dikatakan seusia dengan institusi sekolah sejak sebelum merdeka lagi. Kes buli dan deraan boleh berlaku di sekolah berasaskan pada wujudnya peluang serta sokongan kelompok. Perbuatan membuli lazimnya disebabkan ingin menunjukkan kekuatan fizikal dan kuasa. Pembuli juga datang dari keluarga yang bermasalah dan selalu dikasari atau dihukum oleh ibu bapanya. Kebanyakan kejadian buli yang berlaku kerana kurang pengawasan disiplin sekolah. Oleh sebab itu, perlakuan buli di sekolah kini semakin mencemaskan.

Tahap keselamatan sekolah semakin diragui apabila wujud pelbagai jenis perlakuan sama ada di dalam kawasan sekolah maupun di luar kawasan sekolah. Sebagai langkah segera, pihak sekolah perlu mengenal pasti kawasan dan masa yang berpotensi untuk sesuatu perlakuan yang boleh menggugat keselamatan di sekolah. Sebagai contoh, adakah tandas, stor, padang, dan bilik darjah selamat untuk murid? Bagi jangka pendek, pihak sekolah perlu melengkapkan pengetahuan tentang keselamatan diri kepada semua pelajar khususnya pelajar perempuan. Pengetahuan ini meliputi waktu di sekolah, di luar sekolah, termasuk sewaktu aktiviti kokurikulum. Selain itu, ada baiknya pihak sekolah meletakkan papan tanda keselamatan dan bahan bacaan berkaitan petua keselamatan di tempat yang strategik.

Hasrat kerajaan untuk *melahirkan modal insan* yang cemerlang dan gemilang tidak akan tercapai sekiranya perbuatan buli masih berlaku dalam kalangan pelajar. Lantaran itu, setiap sekolah juga seharusnya menganjurkan program khas pembentukan peribadi murid bagi menangani gejala buli. Oleh itu, guru kaunseling juga perlu mempunyai pemerhatian yang tajam untuk membuat jangkaan dan menyiasat murid yang mengalami perubahan tingkah laku yang mendadak. Hal ini dapat dikesan apabila terdapatnya penurunan prestasi akademik. Sebagai mata dan telinga pihak sekolah, para pengawas juga perlu memantau perjalanan serta aktiviti harian murid.

Isu keselamatan sekolah bukan hanya di dalam sekolah kerana di luar kawasan sekolah juga lebih berbahaya. Oleh itu, pelan kontingensi keselamatan di sekolah perlu disediakan. Hal ini bermakna pemantauan keselamatan pelajar tidak terhenti apabila pelajar keluar dari kawasan pagar sekolah. Pengawal keselamatan yang bertugas memastikan setiap pelajar meninggalkan sekolah dengan selamat. Bagi murid yang masih menunggu ibu bapa di luar kawasan sekolah, satu kawasan khas berdekatan pondok pengawal sekolah boleh diwujudkan. Tegasnya, peranan pihak sekolah sangat penting dalam menguruskan keselamatan sekolah, semoga anak-anak kita dapat belajar dengan selamat.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada “Selamatkah sekolah kita?”,  
oleh Anuar Ahmad, *Utusan Malaysia*, 6 Mac 2009)

**Soalan 2: Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *melahirkan modal insan*.  
[2 markah]
- (ii) Apakah punca-punca yang menyebabkan berlakunya kes buli di sekolah?  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang akan timbul jika masalah buli tidak ditangani dengan segera?  
[4 markah]

### **Soalan 2(b) - Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

UMAR : Dan kalau aku jadi kau, aku mengajak kekasihku berbakti. (*Wajahnya sedih, bermenung memandang ke masa silam, rokok terbiar di celah jarinya, pengucapannya tenang dan lambat, mengenang*). Kau tak tahu, Piah. Sayang, kau tak melihat bagaimana aku kecil-kecil dulu, pergi ke sekolah dengan kaki ayam, berjalan di atas batas-batas sawah. Ibu sakit-sakit dan ayah pergi ke hutan bekerja balak. Kadang-kadang kami makan sekali sehari. Aku ke sekolah dengan perut lapar, tak membawa wang satu sen pun.... (*Safiah mendengar terpesona, wajahnya turut sedih, matanya terpaku ke wajah Umar*) Dan kau menemui aku ketika aku sudah menjadi mahasiswa, dengan buku-buku, dalam kuliah..... Kalau kau menyayangi aku dulu lagi, kita akan lebih bahagia.... (*Tiba-tiba berpaling menghadapi Safiah*) Tanyalah dirimu, Piah, apa yang membawa hatimu padaku? Aku anak kampung, aku dilahirkan di atas tikar di lantai nibung. Kalau kau mengasihi aku kerana aku mahasiswa, maka kasih itu tak akan kekal. Kalau kau mencintai aku kerana kau menggantungkan cita-citamu untuk ke luar negeri, maka kasih itu akan malap nanti. Kasihlah padaku kerana aku. Aku, bukan kerjaku, bukan pelajaranku. Aku pun sayang padamu bukan kerana kau cantik sahaja, bukan kerana kau anak pegawai tinggi dalam Kementerian Pelajaran, tapi kerana dirimu, sifatmu. (*Mata Safiah terpaku ke mata kekasihnya. Bibir Safiah menggeletar, bergerak-gerak seolah-olah hendak mengatakan sesuatu, tapi suaranya tak keluar*).

SAFIAH : (*Suara tersekut, menahan tangis*) Aku sayang padamu kerana dirimu juga, Mar. Tapi aku bercita-cita, aku berharap dan harapan itulah yang selalu kubawakan dalam impianku dalam hidup bersamamu nanti.

(Dipetik daripada ‘Serunai Malam’ oleh Usman Awang,  
dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Gambarkan keadaan Umar semasa beliau kecil-kecil dahulu?  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri yang sesuai untuk memilih pasangan yang dapat membawa kebahagiaan kepada seseorang?  
[3 markah]
- (iii) Jelaskan **satu** perwatakan Safiah dalam petikan di atas dan **satu** perwatakan Safiah yang lain daripada keseluruhan drama tersebut.  
[4 markah]

### **Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka *berceritalah anak kera itu segala perihalnya* itu kepada bapanya. Maka kata bapanya, “Hai anakku, apakah kataku dahulu kepadamu? Sekarang janganlah lagi engkau bersahabat dan bermain-main dengan anak saudagar itu.”

Sungguhpun demikian kata bapanya, tiada jua didengar oleh anak kera itu, sedia kala pergi juga ia bermain-main dengan anak saudagar itu. Adapun luka anak kera itu sudahlah sembuh, tetapi luka anak saudagar itu belum juga sembuh lagi, beberapa pun diubati oleh tabib, tiada juga baik.

Maka kata tabib kepada saudagar itu, “Adapun luka anak tuan hamba ini, jika beroleh hati anak kera itu, sembuhalah.”

Setelah anak saudagar mendengar kata tabib demikian, maka katanya, “Meski hamba mati sekalipun, bahawa sesungguhnya tiadalah hamba mahu membunuh anak kera itu.”

Setelah dilihat oleh saudagar itu luka anaknya itu tiada juga mahu sembuh lagi, maka saudagar itu pun berfikir di dalam hatinya. “Baiklah, apabila datang anak kera itu kubunuh.”

Syahadan, pada suatu hari, datanglah anak kera itu hendak bermain-main dengan anak saudagar itu seperti adat sedia kala juga, maka segera ditangkap oleh saudagar dan dibunuh akan dia, diambilnya hatinya lalu diubatkan anaknya itu. Maka luka anak saudagar itu pun sembuhalah.

(Dipetik daripada ‘Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya’ dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *berceritalah anak kera itu segala perihalnya*.  
[2 markah]
- (ii) Apakah yang dilakukan oleh saudagar terhadap anak kera tersebut?  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah yang akan terjadi kepada seseorang anak apabila tidak mahu mendengar nasihat ibu bapanya?  
[3 markah]

### **Soalan 2(d) – Petikan Puisi**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### **DI RUANG GEMANYA**

Telah kurangkumkan rebah setiaku  
pada setiap pilu dan rindu  
melayang dan mengembang  
ke hayat gemilang. Sejak itu  
tidak kukesal lagi  
goda dan duga  
di gerimis senja

Telah kupahatkan lelah umurku  
pada setiap kerikil dan debu  
datang dan menghilang  
ke hujung kenang. Sesudah itu  
tidak kуkenal lagi  
*hampa dan derita*  
di guruh pagi.

Gerimis senja guruh pagi  
adalah titipan maya  
bakal kukongsikan hati  
mengukir tadbir di ruang gemanya.

#### **Dharmawijaya**

(Dipetik daripada dalam antologi *Kerusi*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *hampa dan derita*.  
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk menghadapi dugaan hidup.  
[4 markah]
- (iii) Berikan **tiga** persoalan yang terdapat dalam sajak di atas.  
[3 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan*

- (a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) pakej
- (ii) komedi
- (iii) tragedi
- (iv) subsidi
- (v) ilustrasi
- (vi) prosedur

[6 markah]

- (b) Kenal pasti jenis-jenis ayat berikut. Tentukan sama ada ayat tersebut ialah ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah atau ayat seruan.

- (i) Bilakah awak akan memulangkan kesemua buku saya?
- (ii) Jangan cemarkan nama baik keluarga anda sendiri.
- (iii) Lori berkenaan dipercayai terbalik lalu melanggar bahagian depan kereta itu.
- (iv) Wah, banyak sungguh orang yang datang ke majlis rumah terbuka hari itu!
- (v) Jangan bergaul dengan rakan-rakan yang terlibat dengan kegiatan mat rempit.
- (vi) Pihak kerajaan akan mengesan pergerakan masuk setiap warga asing ke negara ini.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Upacara perlantikan pengawas sekolah bagi sessi 2009 akan dirasmikan oleh Penolong Pengarah Hal Ehwal Murid Jabatan Pelajaran Melaka.
- (ii) Usaha untuk bermartabat Bahasa Melayu akan dilaksanakan ke seluruh pelusuk tanah air.
- (iii) Motorsikal berkuasa tinggi menjadi gilaan golongan berada yang berumur 40-an.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Tembakan peserta acara menembak itu terbabas jauh dari sasarannya.
- (ii) Semua orang yang sedang asyik berbual itu terkejut bila mendengar letusan mercun pada malam tadi.
- (iii) Semua pemenang perlawanan mendeklamasikan sajak itu dikehendaki tampil di hadapan untuk menerima hadiah.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi tersebut.*

- (i) Belum habis menanggung penderitaan akibat gempa bumi, mangsa bencana tersebut bergelut dengan masalah wabak demam H1N1.
- (ii) Hanis perlu berusaha dengan lebih gigih lagi kerana rezeki sedikit tidak akan menjadi banyak atau bertambah jika dia tidak melipatgandakan usahanya.
- (iii) Amirul kebingungan apabila sampai di universiti itu kerana dia tidak pernah menjakkan kaki di situ.

[6 markah]

#### **Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
  - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
  - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
  - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
  - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
  - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
  - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
  - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** contoh yang menggambarkan nilai tanggungjawab. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, bandingkan perwatakan watak utama setiap novel. [8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
Peraturan  
Pemarkahan  
2010



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN MELAKA)**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
TAHUN 2010**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah Malaysia (Cawangan Melaka)**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 6 halaman bercetak

## PERATURAN PEMARKAHAN

## BAHAGIAN A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan [30 markah]

## KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<b>26 - 30</b> (28 – 30) (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>▪ Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan <b>tepat</b>.</li> <li>▪ Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b>.</li> <li>▪ Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>.</li> </ul>
Kepujian	<b>20 – 25</b> (23 – 25) (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>▪ Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li> <li>▪ Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>▪ Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan <b>jelas</b>.</li> </ul>
Memuaskan	<b>15 – 19</b> (17 – 19) (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>▪ Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>▪ Wacananya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>▪ Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li> </ul>
Kurang memuaskan	<b>10 – 14</b> (12 – 14) (10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Karangan <b>kurang</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> <li>▪ Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. <b>Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara</b>. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru, tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara</b>. Penggunaan kosa kata terhad.</li> <li>▪ Wacana <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>▪ Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraianya <b>kurang</b> jelas.</li> </ul>
Pencapaian minimum	<b>01 – 09</b> (06- 09) (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li> <li>▪ Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li> <li>▪ Idea <b>tidak</b> menepati tema bahan rangsangan.</li> </ul>

**BAHAGIAN B****PERINCIAN PEMARKAHAN****Cara pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dilakukan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Jika karangan:
  - (a) Kurang daripada 350 patah perkataan, periksa seperti biasa
  - (b) Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan.
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah.

Tiada tajuk tolak 1 markah  
Tiada nama penulis tolak 1 markah
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.

## KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	<p style="text-align: center;"><b>80 – 100</b> (90 – 100) (80 – 89)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat.</li> <li>▪ Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis.</li> <li>▪ <b>Ejaan dan tanda baca</b> betul.</li> <li>▪ <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugasan.</li> <li>▪ Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>▪ <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>▪ <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan.</li> <li>▪ <b>Wacana</b> yang lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>▪ Format menepati kehendak <b>tugasan</b>.</li> <li>▪ Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li>▪ <b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
KEPUJIAN	<p style="text-align: center;"><b>66 – 79</b> (73 – 79) (66 – 72)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> <li>▪ Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>▪ <b>Ejaan dan tanda baca</b> betul.</li> <li>▪ <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugasan.</li> <li>▪ Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li> <li>▪ <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>▪ <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan.</li> <li>▪ <b>Wacana</b> yang lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>▪ Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li> <li>▪ <b>Gaya bahasa masih menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
BAIK	<p style="text-align: center;"><b>51 – 65</b> (58 -65) (51 -57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li> <li>▪ Penggunaan <b>ayat majmuk</b> gabungan gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>▪ <b>Ejaan dan tanda baca</b> masih betul.</li> <li>▪ <b>Laras bahasa</b> sesuai mengikut tugasan.</li> <li>▪ Penggunaan <b>kosa kata umum</b></li> <li>▪ <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian isi masih jelas dan contoh-contoh yang dikemukakan masih sesuai <b>ATAU</b></li> <li>▪ Isi bercampur aduk, huraian kurang jelas, tidak seimbang dan contoh-contoh yang dikemukakan masih sesuai.</li> <li>▪ <b>Pengolahan</b> masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.</li> <li>▪ <b>Wacana masih lengkap</b> <b>ATAU</b> <b>wacana</b> kurang lengkap.</li> <li>▪ Format menepati kehendak tugasan.</li> <li>▪ Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b></li> <li>▪ <b>Gaya bahasa</b> yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan pula <b>kurang berkesan</b>.</li> </ul>
MEMUASKAN	<p style="text-align: center;"><b>36 – 50</b> (43 – 50) (36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang terhad.</li> <li>▪ Ayat <b>kurang</b> gramatis.</li> <li>▪ <b>Ejaan dan tanda baca</b> betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>▪ <b>Penggunaan kosa kata umum</b> tetapi terhad</li> <li>▪ <b>Laras bahasa</b> yang digunakan kurang sesuai dengan tugasan.</li> <li>▪ <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh-contoh kurang sesuai.</li> <li>▪ <b>Pengolahan</b> kurang menarik.</li> <li>▪ <b>Wacana</b> masih lengkap <b>ATAU</b> / <b>wacana</b> kurang lengkap.</li> <li>▪ Format menepati kehendaki tugasan <b>ATAU</b> format bercampur aduk.</li> <li>▪ Penggunaan <b>unsur bahasa kurang bervariasi</b>.</li> <li>▪ <b>Gaya bahasa</b> kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan.</li> </ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KURANG MEMUASKAN	<p><b>21 – 35</b> (28 – 35) (21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penggunaan <b>kata terbitan</b> kurang tepat.</li> <li>▪ <b>Ayat tidak gramatis.</b></li> <li>▪ Terdapat <b>kesalahan ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>▪ <b>Idea masih relevan</b> / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh-contoh tidak sesuai.</li> <li>▪ <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>▪ <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.</li> <li>▪ Tidak menguasai <b>unsur bahasa</b> yang bervariasi.</li> <li>▪ <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang lemah.</li> </ul>
PENCAPAIAN MINIMUM	<p><b>01 – 20</b> (11 – 20) (01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Keseluruhannya menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat</b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li> <li>▪ Terdapat <b>kesalahan ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang ketara.</li> <li>▪ <b>Idea</b> bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li> <li>▪ <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li> <li>▪ <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li> <li>▪ <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik.</li> </ul>

#### PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

**SULIT****1103/02**

**Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Peraturan  
Pemarkahan  
Sept. 2010**



## **PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA**

**SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN MELAKA)**

### **PEPERIKSAAN PERCUBAAN**

### **SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**TAHUN 2010**

### **BAHASA MELAYU**

#### **Kertas 2**

#### **PERATURAN PEMARKAHAN**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

#### **AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah Malaysia (Cawangan Melaka)**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak

**Markah penuh: 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- |     |        |                    |
|-----|--------|--------------------|
| (a) | Isi    | - <b>20</b> markah |
| (b) | Bahasa | - <b>10</b> markah |

- (a) **Isi** [20 markah]

**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/Kesimpulan										<b>2</b>
<b>Jumlah markah</b>										<b>20</b>

**Soalan 1: Rumusan**  
**[30 markah]**

<b>Pendahuluan</b>	<b>Markah</b>
Petikan membincangkan usaha-usaha /langkah-langkah /cara-cara/ modus operandi mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat.	2
<b>Isi-isi tersurat [4 hingga 12 markah] - <i>Tindakan untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat:</i></b>	
1. Pihak sekolah perlu mengenal pasti kawasan dan masa yang berpotensi untuk sesuatu perlakuan yang menggugat keselamatan sekolah	2
2. Melengkapkan pengetahuan tentang keselamatan diri kepada semua pelajar.	2
3. Meletakkan papan tanda keselamatan dan bahan bacaan berkaitan petua keselamatan di tempat yang strategik.	2
4. Setiap sekolah perlu menganjurkan program khas pembentukan peribadi murid	2
5. Guru kaunseling perlu mempunyai pemerhatian yang tajam untuk membuat jangkaan	2
6.. Guru kaunseling menyiasat murid yang mengalami perubahan tingkah laku yang mendadak	2
7. Para pengawas perlu memantau perjalanan serta aktiviti harian murid.	2
8. Pelan kontingensi keselamatan di sekolah perlu disediakan.	2
9. Pengawal keselamatan yang bertugas memastikan setiap pelajar meninggalkan sekolah dengan selamat.	2
10. Satu kawasan khas berdekatan pondok pengawal sekolah boleh diwujudkan.	2
<b>Isi-isi tersirat [4 hingga 12 markah] - <i>(Kekangan untuk merealisasikan tindakan tersebut)</i></b>	
1. Tiada laporan / aduan tentang perbuatan buli / salah laku murid kepada guru disiplin / pihak sekolah	2
2. Pihak sekolah menyembunyikan kes salah laku daripada pengetahuan umum	2
3. Pembuli akan mengulangi kesalahan yang sama walaupun dikenakan tindakan / Hukuman / tindakan/denda tidak memberi kesan / pengajaran	2
4. Guru lebih menumpukan perhatian terhadap pelajar yang cemerlang dalam pelajaran / guru mengambil sikap berkecuali / tidak mahu menerima tekanan	2
5. Tiada sokongan / kerjasama daripada ibu bapa / masyarakat setempat	2
<b>Kesimpulan</b>	
Semua pihak perlu bekerjasama memastikan keadaan persekitaran sekolah selamat agar masalah disiplin dapat diminimumkan / suasana yang kondusif dapat diwujudkan.	2

(a) **Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

<b>Peringkat</b>	<b>Markah Isi</b>	<b>Markah Bahasa</b>	<b>Huraian Bahasa</b>
<b>Baik</b>	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat/tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata luas</li> <li>- Tanda baca/ejaan betul</li> </ul>
<b>Sederhana</b>	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 6	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi masih baik</li> <li>- Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan</li> <li>- Kosa kata masih memuaskan</li> <li>- Tanda baca/ejaan juga memuaskan</li> </ul>
<b>Lemah</b>	1 – 7	1 – 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan /tidak memuaskan</li> </ul>

**Nota:**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

**[Markah bahasa maksimum: 10 markah]**

## Soalan 2: Pemahaman

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2 (b) : 9 markah

Soalan 2 (c) : 8 markah

Soalan 2 (d) : 9 markah

### **Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang **sempurna/lengkap**
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada **markah** yang **diperuntukkan** sahaja.

### **Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup /gramatis & tidak gramatis	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap /relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap /relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap /kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugasan tetapi ayat gramatis	0

### **Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

(i) Maksud:

- mewujudkan /mengeluarkan sumber manusia

**[Maksimum: 2 markah]**

(ii) Punca-punca:

- |  |   |
|--|---|
| - wujudnya peluang serta sokongan kelompok               | 1 |
| - ingin menunjukkan kekuatan fizikal dan kuasa.          | 1 |
| - pembuli datang dari keluarga yang bermasalah           | 1 |
| - pembuli selalu dikasari atau dihukum oleh ibu bapanya. | 1 |
| - kurang pengawasan disiplin sekolah.                    | 1 |

**[Maksimum: 3 markah]**

(iii) Kesan-kesan:

- |   |   |
|---|---|
| - mangsa akan mengalami trauma /ketakutan / stres / gangguan emosi      | 1 |
| - imej /reputasi sekolah akan tercemar                                  | 1 |
| - menimbulkan konflik/ ketegangan dalam kalangan keluarga yang terbabit | 1 |
| - menyebabkan berlakunya kecederaan/ kemudaratan /kematian              | 1 |
| - pemangsa akan membala dendam secara sulit /terang-terangan            | 1 |
| - pembuli akan berasa seronok /bangga /ego/hebat                        | 1 |
| - sistem pendidikan negara diragui /tidak berjaya mencapai matlamat     | 1 |

**[Maksimum: 4 markah]**

### **2 (b) – Petikan Drama**

(i) Keadaan Umar:

- |  |   |
|--|---|
| - pergi ke sekolah berkaki ayam                            | 1 |
| - berjalan di atas batas-batas sawah                       | 1 |
| - ibunya sakit-sakit dan ayah pergi ke hutan bekerja balak | 1 |
| - kadang-kadang makan sekali sehari                        | 1 |
| - pernah ke sekolah dengan perut latar                     | 1 |
| - tidak membawa wang ke sekolah                            | 1 |
| - dilahirkan di atas tikar di lantai nibung                | 1 |

**[Maksimum: 3 markah]**

(ii) Ciri-ciri pasangan yang sesuai:

- |  |   |
|--|---|
| - berbudi bahasa /bersopan santun /penyabar          | 1 |
| - seseorang yang dapat memahami jiwa kita            | 1 |
| - pandai berdikari /menyesuaikan diri                | 1 |
| - suka hidup dalam keadaan sederhana                 | 1 |
| - seseorang yang mempunyai pegangan agama            | 1 |
| - serasi /sesuai dengan cita rasa kita               | 1 |
| - mempunyai kedudukan /darjah yang setaraf /berharta | 1 |

**[Maksimum: 3 markah]**

(iii) **Satu** perwatakan Safiah dalam petikan:

- penyayang: Safiah amat menyayangi Umar 1 + 1
- simpati : Safiah bersimpati atas nasib Umar semasa kecil-kecil dahulu 1 + 1
- mempunyai cita-cita : Safiah bercita-cita untuk ke luar negara /untuk hidup bersama-sama Umar 1 + 1

**[Maksimum: 2 markah]**

**Satu** perwatakan Safiah dalam drama:

- mudah merajuk: Safiah merajuk kerana Umar datang lewat /tidak menepati janji / Safiah enggan makan bersama-sama Umar 1 + 1
- mementingkan diri sendiri: Safiah ingin supaya Umar bekerja di luar negara 1 + 1
- tidak patriotik /cinta akan tanah air: Safiah ingin ke luar negara 1 + 1
- ego: Safiah terlalu ego kerana tidak bersetuju dengan pandangan Umar untuk menjadi guru /memandang rendah profesion keguruan 1 + 1
- keanak-anakan: Safiah mengarahkan Jah menyediakan minuman untuknya 1 + 1

**[Maksimum: 2 markah]**

### **Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik**

(i) Anak kera memberitahu / menjelaskan / memaklumkan / menerangkan semua peristiwa / kejadian / hal yang berlaku. 2

(ii) Tindakan saudagar terhadap anak kera tersebut:

- ditangkap 1
- dibunuh 1
- diambil hatinya 1
- dan diubatkan anaknya (dengan hati tersebut) 1

**[Maksimum: 3 markah]**

(iii) Pendapat:

- hidup tidak selamat / tenteram / menanggung kesusahan hidup di dunia 1
- ibu bapa akan marah 1
- tidak direstui /diberkati ibu bapa 1
- berdosa / akan mendapat azab /balasan daripada Allah di akhirat kelak 1
- tidak mendapat rahmat / terputus rezeki daripada Allah 1
- gejala sosial /jenayah akan meningkat 1

**[Maksimum: 3 markah]**

2 (d) Petikan Puisi

(i) Maksud:

- kekecewaan dan kesengsaraan

**[Maksimum: 2 markah]**

(ii) Cara-cara menghadapi dugaan hidup:

- |   |                            |
|---|----------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>- berusaha lebih bersungguh-sungguh</li> <li>- sentiasa berfikiran positif /terbuka</li> <li>- tidak berputus asa</li> <li>- banyakkan bersabar /cekal /tabah</li> <li>- berdoa /bertawakal/ berserah kepada Tuhan</li> <li>- muhasabah /menilai diri</li> </ul> | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |
|---|----------------------------|

**[Maksimum: 4 markah]**

(iii) Tiga persoalan:

- |  |                       |
|--|-----------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>- kesetiaan kepada negara yang tidak berbelah bahagi</li> <li>- ketabahan menghadapi dugaan dan cabaran</li> <li>- pengorbanan untuk negara yang tercinta</li> <li>- semangat patriotik dalam kalangan rakyat</li> <li>- pengalaman pahit /silam dalam membina kehidupan yang lebih baik</li> </ul> | 1<br>1<br>1<br>1<br>1 |
|--|-----------------------|

**[Maksimum: 3 markah]**

### **Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3 (a) : 6 markah

Soalan 3 (b) : 6 markah

Soalan 3 (c) : 6 markah

Soalan 3 (d) : 6 markah

Soalan 3 (e) : 6 markah

#### **Perhatian bagi Soalan 3 (a)**

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  **markah** bagi kesalahan **ejaan / jalan bahasa / tanda baca** daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, **berikan 0 markah**.
5. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  **markah** bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan dipakai dalam **satu ayat**, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas tolak  $\frac{1}{2}$  **markah**.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0 markah**.

3 (a)

(i) *pakej*

- tawaran (cadangan) yang dikemukakan terhadap sesuatu urus niaga, perkhidmatan, dll. dengan butiran lengkap (kos, bilangan hari, dsb) yang mesti diterima semuanya sebagai suatu keseluruhan; atur cara dan dokumen berkaitan yang membentuk suatu sistem perisian yang bersepada;

(ii) *komedi*

- drama, filem, dsb. yang ringan dan lucu, biasanya berakhir dengan kegembiraan; genre sastera yang berkaitan dengan hal-hal lucu atau serius dengan cara menyindir;

(iii) *tragedi*

- peristiwa yang menyedihkan; cerita (sandiwara, lakonan) yang mengisahkan peristiwa dll. yang sedih; peristiwa (keadaan dll.) yang sedih atau menyedihkan.

(iv) *subsidi*

- wang bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada sesuatu perbadanan dll.; bantuan berupa wang atau kebendaan (biasanya daripada kerajaan) yang diberi kepada sesuatu pihak tertentu (seperti perbadanan, kumpulan petani, dll.)

(v) *ilustrasi*

- gambar (lukisan dsb) untuk menerangkan atau menghiasi sesuatu (dalam buku, majalah, dll); diagram dsb. serta keterangan sedikit.

(vi) *prosedur*

- cara yang lazim untuk membuat sesuatu urusan, aturan atau cara bekerja atau melakukan sesuatu; tatacara.

**[Maksimum: 6 markah]**

## 3 (b)

- (i) ayat tanya
- (ii) ayat perintah
- (iii) ayat penyata
- (iv) ayat seruan
- (v) ayat perintah
- (vi) ayat penyata

**[Maksimum: 6 markah]**

## 3 (c)

(i)	perlantikan	-	pelantikan
	sessi	-	sesi
(ii)	bermartabat	-	memartabatkan
	pelusuk	-	pelosok
(iii)	motorsikal	-	motosikal
	gilaan	-	kegilaan

**[Maksimum: 6 markah]**

## 3 (d)

(i)	terbabas	-	tersasar
	dari	-	daripada
(ii)	bila	-	apabila
	letusan	-	letupan
(iii)	perlawanan	-	pertandingan
	di hadapan	-	ke hadapan

**[Maksimum: 6 markah]**

## 3 (e)

(i)	Sudah jatuh ditimpa tangga	2
(ii)	Yang bulat tak datang bergolek, yang pipih tak datang melayang	2
(iii)	Seperti rusa masuk kampung	2

**[Maksimum: 6 markah]**

### Soalan 4: Novel

Markah penuh **15 markah**

#### **Perhatian bagi Soalan 4**

1. Jawapan bagi 4 (a) mestilah berdasarkan **satu** daripada novel yang dipelajari.
2. Jawapan bagi 4 (b) mestilah berdasarkan mana-mana dua novel yang dipelajari.
3. Jawapan hendaklah dalam ayat yang sempurna/lengkap.
4. Pemberian markah bahasa berdasarkan *impression*.
5. Markah bahasa tidak boleh melebihi markah isi.

#### **Perhatian bagi (a)**

- (i) Jawapan tepat dan merujuk peristiwa benar berdasarkan teks yang dipelajari.
- (ii) Pernyataan mestilah benar dan disokong dengan contoh yang tepat.
- (iii) Berikan **1 markah** bagi pernyataan yang benar.
- (iv) Berikan **1 markah** bagi huraian peristiwa yang tepat berkaitan novel yang dikaji.
- (v) Markah maksimum untuk isi **4 markah** dan markah maksimum untuk bahasa **3 markah**.
- (vi) Markah maksimum **7 markah**:
  - Isi **4 markah**
  - Bahasa **3 markah**:
  - Nota:**

3 m	-	Baik
2 m	-	Sederhana
1 m	-	Lemah
- (vii) Jawapan dalam bentuk poin, beri **2 markah** maksimum untuk bahasa.

#### **Perhatian bagi (b)**

- (i) Berikan **1 markah** bagi setiap pernyataan. ( tanggungjawab dalam setiap novel)
- (ii) Berikan **2 markah** bagi huraian atau contoh.
- (iii) Huraian atau contoh tanpa pernyataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Markah maksimum untuk isi **6 markah** dan markah maksimum untuk bahasa **2 markah**.

**Soalan 4 (a):**

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** contoh yang menggambarkan nilai tanggungjawab.

**NOVEL DI HADAPAN PULAU**

**1. Tanggungjawab kepada cucu**

Contoh: Tuk Marzuki menjaga cucunya Afidah yang tidak dijaga oleh ibu bapanya kerana mereka telah bercerai.

**2. Tanggungjawab kepada rakan**

Contoh: Aziz membantu Afidah mencari makanan di kubu lama pada waktu malam kerana mereka kelaparan dan sentiasa memujuk Afidah yang dalam kesedihan kerana Tuk Marzuki telah mati.

**3. Tanggungjawab kepada masyarakat**

Contoh: Tuk Marzuki dan penduduk kampung bersama-sama membina shelter untuk memastikan penduduk kampung boleh menyelamatkan diri sekiranya dibom oleh musuh.

**4. Tanggungjawab kepada suami**

Contoh: Joyah isteri Budin sentiasa menghormati suaminya walaupun suaminya pulang dalam keadaan mabuk dan panas baran.

**5. Tanggungjawab sesama manusia /umat**

Contoh: Syed Fikri sentiasa menasihati kanak-kanak seperti Aziz dan Razip supaya belajar mengaji dan menyuruhnya bersembahyang.

**6. Tanggungjawab kepada saudara**

Contohnya: Syed Fikri menasihati saudaranya Syed Zuhri supaya tidak menipu penduduk kampung dalam perniagaan.

**PUTERA GUNUNG TAHAN**

**1. Tanggungjawab kepada negara**

Contoh: Mat Kilau, Mat Gajah, dan Datuk Bahaman menentang penjajah Inggeris untuk mempertahankan negeri Pahang.

**2. Tanggungjawab kepada masyarakat /sesama manusia.**

Contohnya: Orang sakai menyelamatkan dan membantu Perempuan Tua yang sarat mengandung dan ditinggalkan seorang diri dalam hutan.

**3. Tanggungjawab kepada anak**

Contohnya : Perempuan Tua menghantar anaknya Ratu Bongsu ke puncak Gunung Tahan untuk menuntut ilmu dan menasihati anaknya supaya berhati-hati dengan orang asing.

#### **4. Tanggungjawab kepada tetamu**

Contohnya: Ratu Bongsu membantu Tuan William melihat isterinya di London dengan menggunakan teropong terus dan menghantar maklumat kepada Mem William yang dia masih hidup melalui burung pesuruh jaya.

#### **5. Tanggungjawab kepada rakyat**

Contohnya: Ratu Bongsu menyuruh rakyatnya, iaitu orang bunyian menyembunyikan diri ketika dua buah kapal terbang Inggeris menyerang puncak Gunung Tahan.

#### **6. Tanggungjawab kepada rakan**

Contohnya: Tuan William mencari kawannya Tuan Robert yang hilang setelah keluar mengambil gambar dan telah ditangkap oleh orang sakai.

#### **7. Tanggungjawab kepada agama**

Contohnya: Perempuan Tua mengajar orang sakai agama Islam dan sentiasa mempertahankan kesucian agama daripada dihina.

- 4 (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, bandingkan perwatakan watak utama setiap novel..

### **NOVEL DI HADAPAN PULAU**

#### **Watak Aziz**

1. Hormat orang tua: Aziz mencium tangan Syed Fikri sebaik sahaja berjumpa dengan Syed Fikri yang singgah di kedai kecil tepi jalan.
2. Rajin: Aziz membantu Syed Fikri bercucuk tanam di kebun sayur dan Aziz mencari makanan bersama-sama di kubu lama.
3. Penyayang: Aziz menyayangi kawannya Afidah dan Tuk Marzuki
4. Simpati: Aziz selalu menenangkan Afidah yang dalam kesedihan dan menangis ketika terkenang akan datuknya Tuk Marzuki yang telah mati.
5. Penyimpan rahsia: Aziz tidak menghebohkan rahsia Rosiah yang mempunyai hubungan sulit dengan seorang lelaki ketika terserempak di belakang busut di kubu lama.
6. Berani: Aziz berani mencari makanan di kubu lama pada waktu malam dan tempat yang jarang-jarang dilalui oleh orang lain.
7. Tabah: Aziz tabah meneruskan kehidupannya dengan menumpang di rumah mak cik Joyah setelah ibu bapanya meninggal dunia.

## **PUTERA GUNUNG TAHAN**

### **Watak Ratu Bongsu**

1. Cinta akan tanah air: Ratu Bongsu tidak mahu menyerahkan puncak Gunung Tahan kepada Tuan William walaupun di beri ganjaran 5000 ringgit setiap bulan.
2. Baik hati: Ratu Bongsu membantu Tuan William melihat isterinya di London menggunakan teropong terus dan meminjamkan burung pesuruh jaya kepada Tuan William untuk menghantar maklumat kepada isterinya.
3. Bijak: Ratu Bongsu tahu tipu helah Tuan William yang telah meminta Gabenor Inggeris menyerang puncak Gunung Tahan lalu mengurungnya di dalam bilik dan mati terhadu gas beracun.
4. Bertanggungjawab: Ratu Bongsu menyuruh rakyatnya orang bunyian menyembunyikan diri ketika diserang oleh dua buah kapal terbang Inggeris.
5. Tegas: Ratu Bongsu tetap tidak mahu menyerahkan puncak Gunung Tahan kepada Tuan William walaupun diberi ganjaran 5000 ringgit sebulan.

## **PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**